

24 MAR 2000

Moggie-Syarikat/I

MOGGIE NASIHAT PELABUR BERWASPADA DENGAN SYARIKAT DOT COM

CYBERJAYA, 24 Mac (Bernama) -- Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie hari ini mengingatkan orang ramai terutamanya pelabur-pelabur kecil mengenai risiko besar melabur dalam syarikat-syarikat dot com.

Katanya walaupun syarikat-syarikat dot com kini adalah satu trend di seluruh dunia, terutamanya Amerika Syarikat, terdapat banyak risiko melabur dalam syarikat-syarikat seperti itu kerana ia boleh menjalankan perniagaan tanpa sebaran aset.

"Pihak awam harus berhati-hati apabila memikirkan untuk membuat pelaburan dalam syarikat-syarikat yang sebenarnya berpunca dari harapan dan belum mempunyai aset-aset yang kukuh, tetapi lebih banyak harapan-harapan masa depan," katanyanya ketika merasmikan Hari Inovasi IT 2000 Universiti Multimedia (MMU) di sini.

Hari Inovasi 2000, yang pertama dianjurkan oleh universiti itu, bertemakan "Mari Kita Inovasikan IT".

Moggie berkata dengan hakikat bahawa syarikat-syarikat dot com boleh menjalankan perniagaan tanpa sebarang aset, adalah mungkin syarikat-syarikat itu menjadi tidak bernilai apabila pasaran saham jatuh.

Minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan orang ramai mengenai firma-firma berkaitan dengan internet, yang disifatkannya sebagai syarikat-syarikat dot com, tanpa sebarang industri untuk menyokongnya.

"Berwaspada, berhati-hati, jangan terus percaya... kita khuatir juga nanti yang kecil-kecil ini, kita terlibat...kita akan musnah, itu sebab kita beri peringatan secara umum kepada awam," kata Moggie.

Moggie berkata orang ramai perlu diingatkan mengenai bahaya melabur dalam syarikat-syarikat dot com kerana kesukaran untuk mengawal selia perniagaan seperti itu.

Terdahulu, dalam ucapannya, Moggie mencadangkan universiti itu memasukkan subjek pengurusan bagi membolehkan para pelajar MMU memulakan dan menguruskan operasi perniagaan multimedia selepas tamat pengajian.

Sementara itu, Presiden MMU Prof Dr Ghauth Jasmon berkata para pelajar universiti itu menubuhkan sebuah syarikat dot com yang terlibat dalam penjualan kereta dui seluruh negara dan kini dalam proses mendaftar syarikat itu.

Syarikat itu akan mendaftarkan semua penjual kereta - terpakai dan baru - di negara ini.

Katanya MMU akan menyertai syarikat itu sebagai pemegang saham kecil dalam aspek perkakasan komputer dan kemudahan internet dan akan membiayai usahasama itu dengan menggunakan tabung pembangunan usahawannya sendiri.

Universiti itu juga sedang menimbang dua cadangan penubuhan syarikat dot com oleh para pelajarnya, kata Prof Jasmon.

-- BERNAMA

AFY NAK